

KANDUNGAN

Penyelidik UTeM Memartabatkan Inovasi malaya di Kota London | UTeM Sedia Bantu Dalam Pembangunan Modal Insan Bidang Kejuruteraan & ICT Negara Mesir | UTeM Terima Lawatan Universitas Pendidikan Indonesia | Majlis Konvokesyen Ke - 7 Berlangsung Meriah | TPM Rasmi Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 | UTeM Terima RM30 Ribu Wang Zakat Daripada Bank Islam | FTK Jalin Kerjasama Strategik Dengan Western Digital Tingkatkan Kompetensi Modal Insan | Portal Web UTeM Diiktiraf 5 Bintang oleh MDEC | Warna-Warni Majlis Konvokesyen Ke - 7 | UTeM Iktiraf Kecemerlangan Ahli Akademik | Program Riadah Eratkan Hubungan Pemandu Kenderaan HEPA | Mahasiswa UTeM Tabur Bakti di Kepulauan Riau | Pengarah JPT Beramah Mesra Dengan Mahasiswa UTeM | Program PINTAR Uji Daya Kreativiti Warga FTK | Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Pejabat | Perkahwinan dan Kelahiran | UTeM - ECC Jayakan Kayuhan Lasak Waktu Malam Terbesar di Malaysia | Personaliti Pilihan

PENYELIDIK UTeM MEMARTABATKAN INOVASI MALAYSIA di Kota LONDON



22 Oktober : Penyelidik UTeM mengharumkan nama negara dengan kejayaan gemilang ketika menyertai British Innovation & Technology Show di Kota London baru-baru ini.

Pada pertandingan rekacipta terbesar di United Kingdom (UK) itu, pasukan penyelidik UTeM telah meraih tiga pingat emas, dua perak serta dua Anugerah Khas Platinum melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan.

Menurut Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) UTeM, Dr. Azizah Shaaban yang mengetuai pasukan penyelidik universiti itu berkata, "Kejayaan di London membuktikan bahawa hasil inovasi negara ini setanding dengan ciptaan negara-negara maju lain dan prestasi tersebut telah membuka mata banyak pihak terhadap kemampuan penyelidik UTeM," katanya.

Tambah Dr. Azizah lagi, hasil inovasi UTeM yang dipertandingkan telah menarik perhatian juri yang terdiri daripada pakar-pakar industri Eropah dan tokoh-tokoh akademik universiti ternama di UK sekaligus melonjakkan nama Malaysia dalam bidang tersebut.

Antara yang menarik perhatian juri serta wakil-wakil industri antarabangsa ialah "Green Innovative Glass-Ceramic" dihasilkan oleh Dr. Jariah Mohamad Juoi dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang meraih pingat emas serta Anugerah Khas Platinum.

Produk inovasi tersebut merupakan jubin (tile) dihasilkan melalui kitaran semula bahan buangan kaca yang dileburkan dan diadun dengan komposisi tertentu untuk

dijadikan bahan binaan atau kemasan lantai yang lebih ekonomi dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Dr. Jariah ketika ditemui berkata, "Bahan buangan kaca sememangnya boleh dikitar semula untuk dijadikan jubin (tile) yang mempunyai sifat dan ketahanan sama seperti penghasilan melalui sumber mineral semulajadi seperti tanah liat".

Tambah beliau, jubin yang dihasilkan mempunyai ketahanan yang lebih kuat malah dapat menyelamatkan sumber alam semulajadi daripada terus digunakan sebagai bahan mentah dalam industri pembuatan jubin.

Sementara itu, produk yang mampu memberi perlindungan daripada gelombang mikro berbahaya kepada kesihatan manusia dikenali sebagai "Agro Wave Shield" mendapat pengiktirafan juri apabila dianugerahkan pingat emas.

Produk tersebut dihasilkan daripada bahan-bahan terbuang mampu mengurangkan kesan buruk gelombang mikro dari menara pemancar telekomunikasi terhadap kesihatan manusia. Jelas Dr. Azizah, hasil inovasi itu merupakan satu produk masa depan yang bakal diperlukan memandangkan peningkatan keperluan telekomunikasi yang semakin pesat.



BERITA@UTeM

BERITA@UTeM merupakan sebuah media resmi bagi Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang bertujuan untuk menyampaikan berita mengenai aktiviti akademik dan non-akademik universiti ini. Ia juga merupakan platform untuk menyampaikan berita mengenai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia dan dunia.

Pada peringkat pelajar, BERITA@UTeM akan memberi maklumat tentang perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di dunia dan di Malaysia. Selain itu, ia juga akan menyampaikan berita mengenai aktiviti akademik dan non-akademik universiti ini, termasuklah seminar, konferensi, dan pelantikan pengurusan.

BERITA@UTeM akan berusaha menyampaikan berita yang akurat dan relevan dengan kepentingan pelajar dan staf universiti. Ia juga akan memberi maklumat tentang perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di dunia dan di Malaysia.

Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Zaffaruddin Bin Hamzah

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

UTeM terima lawatan Universitas Pendidikan Indonesia

17 Oktober : UTeM menerima kunjungan daripada Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) baru-baru ini yang dihadiri 20 orang wakil dari Fakultas Pendidikan Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam.

Lawatan yang dihadiri oleh Dekan serta Ketua Jabatan UPI adalah bertujuan untuk meninjau peluang kerjasama dengan UTeM dalam bidang sains komputer. Selaras dengan itu, ia mampu meningkatkan serta memperkasakan lagi bidang terbabit di UPI berdasarkan kepada prestasi pembelajaran di UTeM yang berada di tahap terbaik.

Selain itu, UPI juga dalam rangka cadangan untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UTeM atas saranan Kementerian Pendidikan Indonesia (DIKTI).

23 Oktober : Majlis Konvokesyen Ke-7 berlangsung dalam suasana penuh kemeriahinan di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal. Pada majlis tersebut, UTeM telah melahirkan seramai 258 orang graduan diploma, 1,141 sarjana muda, 100 graduan sarjana dan 3 orang graduan doktor falsafah dalam bidang utama iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan menjadikan jumlah keseluruhan 1,502 orang.

Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakub ketika berucap menyeru seluruh graduan agar memantapkan kemahiran dan pengetahuan sekaligus menyumbang kepada kemajuan negara.

Turut hadir pada majlis besejarah itu Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Pro Canselor UTeM Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat serta tetamu undangan daripada universiti tempatan dan antarabangsa.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika ditemui media berkata, UTeM akan terus menjayakan agenda nasional dengan menjana graduan profesional berkemahiran tinggi di dalam bidang teknikal seperti yang diperlukan oleh industri dan negara.

Beliau percaya bahawa graduan yang dihasilkan dari universiti ini sememangnya memiliki tahap kebolehpasaran yang tinggi kerana telah dilengkapi dengan kemahiran teknikal yang menyeluruh serta menepati permintaan industri masa kini.

Majlis Konvokesyen Ke-7 yang berlangsung pada hari Sabtu dan Ahad turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik untuk semua peringkat umur yang disediakan di tapak Pesta Konvo.



UTeM Sedia Bantu dalam Pembangunan Modal Insan Bidang Kejuruteraan & ICT Negara Mesir

20 Oktober: UTeM sedia membantu negara Mesir dalam pembangunan modal insan negara tersebut bagi keperluan kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perkara tersebut dibincangkan sewaktu lawatan Setiausaha Kedua Kedutaan Mesir ke universiti ini di Bangunan Canselor Kampus Induk, Durian Tunggal.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan berkata, perbincangan yang diadakan adalah berkaitan hala tuju dan perangkaan jalinan kerjasama strategik antara Kedutaan Mesir bersama pihak UTeM.

Kerjasama strategik dalam memberi ruang dan peluang kepada pelajar dari negara ini bagi menyambung pengajian dalam bidang ICT dan kejuruteraan di UTeM yang sememangnya berfokus dan memiliki kepakaran luas dalam bidang tersebut.



Majlis Konvokesyen Ke-7 berlangsung MERIAH



TPM rasmi BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2011



13 Oktober : Seluruh warga universiti begitu teruja menyambut ketibaan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Kampus Induk bagi merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 di Dewan Besar UTeM.

Ketika berucap merasmikan majlis tersebut, Tan Sri Muhyiddin menyeru segenap lapisan masyarakat supaya memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. Seruan tersebut mendapat tepukan gemuruh daripada lebih 3 ribu hadirin yang memenuhi Dewan Besar UTeM sejak awal pagi.

Sejarah turut dilakar apabila Timbalan Perdana Menteri menyampaikan anugerah Tokoh Pejuang Bahasa Melayu Antarabangsa kepada Pengarah Pusat Pengajian Melayu Universiti Bahasa-Bahasa Asing Beijing (BFSU) China, Prof. Wu Zongyu. Anugerah tersebut sebagai menyambung sumbangan beliau yang turut sama memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat global.

Hadir sama pada majlis tersebut, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin, Naib Canselor UTeM serta Pegawai-Pegawai Kanan kerajaan.



Portal Web UTeM diiktiraf 5 Bintang oleh MDeC

7 Oktober : Portal Web UTeM mencatat sejarah apabila diiktiraf lima bintang oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dalam laporan Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Tahun 2011 yang dikeluarkan baru-baru ini.

Dalam laporan tersebut, MDeC telah melaksanakan penilaian terhadap

1,155 laman web dan portal kerajaan dengan memfokuskan elemen seperti kandungan, kebolehgunaan, keselamatan, penyertaan dan perkhidmatan.

Portal UTeM yang mencapai lima bintang telah menduduki tangga pertama bagi kategori universiti dengan 95 markah diikuti oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan 90 markah.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, "Pencapaian lima bintang merupakan hasil usaha berterusan semua pihak di universiti ini dalam memajukan portal UTeM agar menjadi sumber rujukan utama dan berguna kepada ibu bapa, pelajar serta pelawat," katanya.

"Sebagai universiti yang sentiasa mendapat perhatian rakan industri dan institusi pengajian tinggi antarabangsa, UTeM sentiasa mengambil berat terhadap fungsi dan kebolehgunaan portal bagi memudahkan setiap urusan dan kemudahan yang boleh diakses pada bila-bila masa dan dari mana jua," jelas beliau lagi.

UTeM terima RM30 Ribu Wang Zakat daripada Bank Islam



24 Oktober : UTeM telah menerima wang zakat berjumlah RM 30 ribu daripada Bank Islam Malaysia Berhad sewaktu majlis penyerahan wang zakat di Kampus Induk UTeM baru-baru ini.

Majlis Penyerahan Wang Zakat tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi Bank Islam Malaysia, Datin Norasni Ayob kepada Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang mewakili pihak universiti. Sementara itu Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, wang zakat ini akan digunakan bagi tujuan pengagihan kepada golongan pelajar yang kurang berkemampuan di sini bagi memudahkan perbelanjaan harian pembelajaran mereka.

Sehubungan itu, beliau juga mengucapkan ribuan penghargaan kepada pihak Bank Islam yang prihatin dalam mengajihkan wang zakat institusi kewangan tersebut bagi tahun 2010 kepada pelajar universiti. Manakala Datin Norasni Ayob pula berkata, UTeM merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi awam dalam negara ini yang sememangnya mempunyai hubungan baik dengan pihak Bank Islam.

Beliau berharap pihak UTeM dan Bank Islam akan terus mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara dua organisasi ini dan bercadang untuk mengadakan beberapa aktiviti atau penganjuran secara bersama pada masa akan datang.

FTK Jalin Kerjasama Strategik dengan WESTERN DIGITAL TINGKATKAN KOMPETENSI MODAL INSAN



8 Oktober : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (ICNet) telah mengadakan Bengkel Perancangan Kerjasama Strategik dengan syarikat pengeluar pemacu elektronik dan storan data terunggul di dunia, Western Digital.

Menurut Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, jalinan kerjasama dan perbincangan yang diadakan tertumpu kepada program peningkatan kemahiran antara staf dan pelajar serta pendedahan persekitaran industri berteknologi tinggi secara berterusan.

Melalui program yang dikenali sebagai "Hands on Training" (HOT), tenaga pengajar FTK akan mengikuti latihan secara praktikal di Western Digital untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan dan kemajuan teknologi terkini dalam bidang-bidang berkaitan.

Hadir sama pada perbincangan tersebut, Pengurus Kanan Western Digital Hafizah Hamid dan Prasad Chandran manakala Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi turut menyertai bengkel perancangan yang dianjurkan.

WARNA WARMI

Majlis KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


22-23 OKTOBER 2011

DEWAN BESAR UTeM

KE-7



DEWAN BESAR





Pengarah JPT Beramah Mesra bersama Mahasiswa UTeM

7 Oktober : Seramai 200 orang pemimpin persatuan dan kelab dalam kalangan pelajar UTeM berpeluang mendengar taklimat dan beramah mesra bersama Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Jabatan

Pengajian Tinggi (JPT) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Prof. Dr. Azali Mohamed. Turut hadir Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Eng. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, pegawai-pegawai HEPA, pegawai JPT dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM Ahmad Saufi Ahmad Jawahir.

Menurut Eng. Prof. Dr. Marizan, tujuan perjumpaan ini ialah untuk memberi peluang kepada pemimpin pelajar untuk berkongsi maklumat dan komunikasi secara terus kepada pihak JPT mengenai isu-isu semasa mengenai pendidikan tinggi negara.

Dengan adanya program sebegini maka ia dapat mengeratkan lagi hubungan antara para pelajar UTeM bersama dengan pihak atasan daripada JPT sendiri yang sentiasa perihat dan mengambil berat tentang perkara yang berkaitan dengan mahasiswa universiti.

Manakala pihak HEPA pula sentiasa dan terus komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelajar di sini yang mencakupi segenap keperluan dan kemudahan dalam melahirkan mahasiswa yang mampan.

Program Riadah Eratkan Hubungan Pemandu Kenderaan HEPA



26 Oktober : Sebagai menghargai sumbangan pemandu kenderaan universiti, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan program riadah melibatkan 30 orang pemandu dan pegawai yang berkhidmat di bawah Unit Kenderaan HEPA bersempena cuti umum baru-baru ini.

Menurut Ketua Timbalan Pendaftar HEPA, Zainudin Ahmad berkata, pihak universiti sangat menghargai jasa bakti pemandu universiti terutama sekali yang terlibat dalam urusan logistik mahasiswa.

Kata Zainudin, "Program seumpama ini memberi kesempatan kepada pegawai-pegawai di Pejabat HEPA dan pemandu menjayakan aktiviti berfaedah di samping dapat mempromosikan gaya hidup sihat,"

Jelas beliau, beberapa acara dipertandingkan antaranya sepak raga, karom dan badminton. Tidak ketinggalan ahli keluarga yang hadir menggamatkan suasana Kompleks Sukan UTeM sebagai venue acara pada hari itu.

"Sambutan yang diterima pada hari ini amat menggalakkan dan peluang beramah mesra bersama ahli keluarga dilihat dapat meningkatkan semangat kerjasama dan seterusnya memberi kepuasan kepada semua setelah menjalankan tugas tanpa mengira waktu," kata Zainudin lagi.

Bagi acara badminton, johan menjadi milik gandingan Zulkifli Ishak dan Mohd. Rani Jantan manakala naib johan diraih oleh Atan Adam dan Wan Amiruddin Wan Mohd. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Zainudin Ahmad.

UTeM iktisaf KECEMERLANGAN AHLI AKADEMIK



12 Oktober : UTeM menganjurkan Anugerah Akademik Universiti (AAU) baru-baru ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menunjukkan prestasi terbaik bagi tahun 2010.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui pada majlis tersebut berkata, AAU merupakan manifestasi pengiktirafan berprestij peringkat universiti kepada ahli akademik sebagai penghargaan atas usaha gigih yang dilaksanakan selama ini.

Sebanyak enam kategori disediakan antaranya Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Inovasi dan Pengkomersian Produk, Anugerah Penerbitan Jurnal dan Anugerah Khas.

Hadir sama pada majlis yang gilang gemilang itu, Pengurus Lembaga Pengaruh Universiti (LPU) Datuk Dr. Ahmad Zaidee Ladin serta pegawai-pegawai kanan universiti.



Universiti TABUR BAKTI di Kepulauan Riau



17 September : Seramai 26 orang mahasiswa UTeM telah melaksanakan program Bakti Siswa di Kepulauan Riau, Indonesia baru-baru ini melalui khidmat sukarelawan dan perkongsian budaya di sana.

Program anjuran Unit Kebudayaan dan Warisan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mendapat kerjasama dari Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekan Baru, Riau.

Kampung Rumbai, Pekan Baru Riau, telah dipilih bagi menjalankan program khidmat masyarakat seperti membaiki surau dan juga mengecat masjid di samping menjalankan aktiviti gotong-royong di sekitar kampung tersebut.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor HEPA, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Turut hadir wakil Gabenor Riau, Konsulat Malaysia ke Riau, Ketua Masyarakat Kampung Rumbai serta seluruh penduduk di perkampungan itu.

Semasa di Pekan Baru, mahasiswa UTeM juga dibawa melawat ke UNILAK dan Politeknik Caltex Riau serta melawat Masjid Agong dan Perpustakaan Nasional yang merupakan antara perpustakaan yang terbesar di Indonesia.

Program PINTAR Uji Daya Kreativiti Warga FTK

16 Oktober : Seramai 72 orang kakitangan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah diuji daya kreativiti, inovasi serta semangat juang kerja berpasukan yang tinggi dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) baru-baru ini.



Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapan perasmianya berkata, semua warga fakulti hendaklah memainkan peranan penting dalam menghasilkan idea yang kreatif, inovatif serta mengamalkan konsep kerja berpasukan dalam menjayakan peranan FTK dan universiti ini.

Peserta yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan akademik telah diuji tahap kreativiti dan inovasi dalam merealisasikan visi dan misi FTK bersama UTeM pada masa 5 tahun akan datang.

Aktiviti tersebut berjaya merangsang peserta agar lebih cenderung kepada konsep pemikiran 'business unusual' dalam merencanakan pencapaian objektif fakulti dan UTeM secara bersepadu.



Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Pejabat - Semai Kesedaran Berterusan Kakitangan



17 Oktober : Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM telah menganjurkan Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Pejabat melibatkan penyertaan staf dari pelbagai jabatan.

Objektif seminar ini adalah untuk memantapkan lagi pemahaman warga universiti terhadap kepentingan keselamatan dan kesihatan di pejabat dengan menggunakan pendekatan berdasarkan kaedah pembelajaran melalui pengalaman. Seterusnya seminar ini turut membincangkan dan memberi kefahaman kepada peserta tentang bahaya-bahaya dan penyakit pekerjaan yang mungkin wujud daripada aktiviti-aktiviti kerja di bahagian pentadbiran dan pejabat.

Peserta juga diberi pendedahan untuk mengelakkan kecederaan yang berkaitan dengan bahaya-bahaya yang wujud. Spektrum tentang keselamatan dan kesihatan di pejabat yang dibincangkan termasuk pengurusan tekanan, hazad ergonomik, hazad komunikasi, gelincir dan jatuh serta keselamatan elektrik.



Perkahwinan
Oktobre 2011

Berita@UTeM mengucapkan
SELAMAT PENGANTIN BARU
kepada pasangan berikut yang telah
melangsungkan perkahwinan
baru-baru ini.



Kharmiza Binti Burhanuddin
dari Pejabat Khidmat Pengurusan,Canselor
bersama pasangannya
Mohamad Israq Bin Abdul Ghani
yang melangsungkan perkahwinan pada
28 Oktober 2011.



Rabea'tul Adawiah Binti Zakariah
dari Pejabat Pendaftar
bersama pasangannya
Mohd Suhairi Bin Mohd Saad
dari Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
yang melangsungkan perkahwinan pada
29 Oktober 2011.



Berita@UTeM
mengucapkan **TAHNIAH** kepada
staf berikut yang telah menerima
kelahiran cahaya mata baru-baru ini.



Nama Staf :
Noor Azman Bin Mansor (FTMK)

Nama Anak :
**Nur Amni Munawwarah
Binti Noor Azman**

Tarikh Lahir : **16 September 2011**



Nama Staf :
**Suria Binti Abd. Rahman (PPKK)
& Khairul Muzani Bin Osman
(Pejabat Pendaftar)**

Nama Anak :
**Muhammad Naffis Bin
Khairul Muzani**

Tarikh Lahir : **25 Oktober 2011**

Personaliti Pilihan



MUHAMAD JAFRI BIN SAMAH
PEMBANTU AM PEJABAT
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

Muhamad Jafri memulakan perkhidmatan di universiti ini pada 1 April 2009 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Beliau yang berasal dari Pengkalan Balak, Melaka merupakan seorang yang peramah, komited terhadap tugas serta gemar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan.

Di peringkat fakulti, Jafri terlibat secara langsung dalam melaksanakan penganjuran persidangan antarabangsa International Conference on Design and Concurrent Engineering (iDECON) pada tahun 2010. Selain itu beliau turut menganggotai jawatankuasa pengurusan aset fakulti, urusetia Minggu Haluan Siswa serta petugas sewaktu hari pengundian Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Sumbangan Jafri tidak terhenti setakat itu sahaja, beliau juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti anjuran Pusat Islam UTeM antaranya sukarelawan Majlis Korban dan Aqiqah selama dua tahun berturut-turut. Selain aktiviti tersebut, Jafri juga mewakili fakulti dalam acara karom pada Sukan Antara Jabatan (SAJ) tahun ini.



NOR ANIDAH BINTI AB. KARIM
JURURAWAT
KLINIK PELAJAR HEPA

Mencatat sejarah sebagai jururawat pertama UTeM, Nor Anidah memulakan perkhidmatan di sini pada tahun 2005 berbekalkan pengalaman luas sewaktu berkhidmat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Berasal dari Kampung Terentang, Jasin, Nor Anidah mempunyai pengalaman dalam bidang kejururawatan selama 16 tahun.

Tugas beliau mengendalikan kes-kes kecemasan di klinik Pelajar UTeM menuntut sepenuh komitmen dan semangat berpasukan demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga universiti. Meskipun sibuk dengan tugas, ibu kepada 4 orang cahaya mata ini akan meluangkan sedikit masa dengan memasak makanan kegemaran seisi keluarganya iaitu masakan sambal ayam.

Selain tugas hakiki, Nor Anidah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti persatuan antaranya PUSPANITA, Persatuan Jururawat Malaysia serta turut menyumbang kemahirannya dalam sukan karom pada Sukan Antara Jabatan (SAJ) tahun ini.

ECC MTB NITE JAMBOREE 2011 BURUNG HANTU RIDE

UTeM – ECC *jazakan* Kayuhan Lasak Waktu Malam Terbesar Di Malaysia

1 Oktober : Kompleks Sukan UTeM dibanjiri dengan kehadiran lebih 1,800 peminat basikal lasak tempatan dan antarabangsa yang mengambil bahagian dalam acara kayuhan malam terbesar di negara ini.

Acara berbasikal lasak pada waktu malam yang dinamakan Burung Hantu Ride dianjurkan oleh Environment Cycling Club (ECC) berjaya menarik penyertaan peserta antarabangsa antaranya dari Singapura, Australia, United Kingdom, Itali, Jepun, Thailand serta beberapa negara Eropah lain.

Pengerusi ECC, Wee Yik Chuang yang ditemui di Kompleks Sukan UTeM berkata, "Pada tahun ini, peserta Burung Hantu Ride menempuh perjalanan off road sejauh 45 kilometer dengan lima checkpoint bermula di Kampus Induk UTeM melalui trek berbukit di ladang kelapa sawit dan ladang getah yang sangat mencabar," katanya.

Jelas Wee lagi, "Burung Hantu Ride merupakan satu-satunya acara berbasikal lasak pada waktu malam seumpamanya di Malaysia dan kami yakin dengan penglibatan UTeM dapat menjadikan acara ini sebagai salah satu produk pelancongan negeri Melaka yang sentiasa dinantikan," katanya.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada UTeM yang telah menyediakan kemudahan fasiliti terbaik serta sokongan logistik dan pasukan perubatan demi memastikan penganjuran Burung Hantu Ride berjalan lancar.

"Melalui maklumbalas yang diterima, peserta pada malam ini amat teruja menyaksikan stadium yang gah serta suasana meriah dan saya amat bangga untuk menyatakan bahawa acara pada tahun ini merupakan yang terbaik pernah dianjurkan," kata Wee lagi.

Selain penyertaan peminat basikal lasak, Burung Hantu Ride mendapat sokongan padu daripada Kerajaan negeri Melaka serta pengeluar peralatan basikal jenama antarabangsa antaranya Shimano, Specialized, XDS, Sworkz dan Mahkota Medical Centre yang menyediakan bantuan perubatan serta liputan meluas media tempatan dan antarabangsa.

